

MTUC harap Dewan Negara teliti nasib pekerja, tolak RUU Kerja esok
The Malaysian Insider
14 Disember, 2011
Oleh G Manimaran

KUALA LUMPUR, 14 Dis — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) meletakkan harapan pada anggota Dewan Negara, yang dijangka akan membahaskan pindaan Akta Kerja esok, agar menolak rang undang-undang tersebut dengan mengambil kira bantahan dan nasib masa depan pekerja-pekerja negara ini.

Meskipun adalah sesuatu yang mustahil harapan itu menjadi kenyataan, Presiden MTUC Khalid Atan berkata pihaknya mengharapkan sokongan para senator untuk menolak rang undang-undang itu.

Badan induk itu telah menulis kepada kesemua anggota Dewan Negara dua minggu lalu mengenai beberapa peruntukan dalam rang undang-undang itu khususnya berkaitan dengan sistem kontraktor bagi tenaga kerja, yang didakwa akan mendatangkan lebih banyak keburukan dalam jangka panjang.

“Harapan kami, MTUC sudah pun menulis kepada semua senator, agar mereka akan mengambil kira nasib pekerja-pekerja negara ini dan tidak menerima rang undang-undang ini,” kata Khalid kepada The Malaysian Insider hari ini.

Berdasarkan aturan mesyuarat Dewan Negara hari ini, Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 berada di tangga ke-10.

Rang undang-undang itu telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 6 Oktober lalu - tiga hari selepas MTUC mengadakan piket di pekarangan bangunan Parlimen.

MTUC mengadakan piket kebangsaan pada 3 November dan perhimpunan peringkat Selangor-Wilayah Persekutuan pada 2 Disember lalu.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-asri-umno-nampak-gelisah-masih-gagal-beri-harapan-baru/>